

22/03/2003

Dr Mahathir tiada hasrat jumpa Ling

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan mengadakan pertemuan atau mendapatkan penjelasan daripada Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan berjumpa Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Keat, berhubung krisis yang melanda parti itu berikutan dakwaan wujudnya kongsi gelap dalam MCA.

"Saya tidak berhasrat berjumpa dengan beliau kerana saya masih bercuti. Saya datang (semalam) kerana saya dijemput oleh Pemangku Presiden (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita mengenai isu berkenaan selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, petang semalam.